

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH**  
**KAWASAN : SANDAKAN**  
**NO. SOALAN : 59**

**WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH** minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan projek-projek yang dimeterai dalam perjanjian perdagangan antara China dan Malaysia sejumlah RM 144.4 billion yang dibuat ketika lawatan rasmi Perdana Menteri ke China pada 2016. Nyatakan kos anggaran bagi setiap projek tersebut dan berapa projek akan dijalankan di Sabah.

Tuan Yang Di Pertua,

1. Saya ingin memaklumkan bahawa 14 perjanjian/memorandum sejumlah RM 144.4 bilion yang dimaksudkan adalah dalam bentuk usahasama perniagaan (*business-to-business* - B2B) yang telah dimeterai oleh pemimpin-pemimpin perniagaan Malaysia dan Republik Rakyat China

semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Beijing pada November 2016.

2. Perjanjian/ memorandum B2B tersebut merangkumi sektor pembinaan, infrastruktur, keluli, kewangan, tenaga boleh diperbaharui, teknologi hijau, perbankan, pertanian (sarang burung walit) dan e-dagang. Untuk makluman Tuan, tiada projek yang akan dijalankan di Sabah.
3. Antara projek-projek ikonik dalam senarai memorandum/ perjanjian B2B yang melibatkan pelaburan-pelaburan China termasuk:

a) **Melaka Gateway**

Projek *Melaka Gateway* telah disenaraikan sebagai Entry Point Project (EPP) melibatkan pembangunan "*mixed development*" yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelbagai seperti pelancongan, pusat & kompleks perniagaan, pelabuhan laut dalam dan kawasan industri maritim berteknologi tinggi. Projek ini akan dibangunkan secara bersama oleh syarikat KAJ Development Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan syarikat Power China International Group Limited di atas tanah yang ditambak (seluas 1,359 ekar) dan merangkumi 4 buah pulau. Nilai pembangunan kasar (GDV) projek dianggarkan

berjumlah RM64 bilion dan dijangka dapat menarik 2.5 juta pelancong setahun ke Melaka serta memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 45,000 orang.

Projek Melaka Gateway ini diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Melaka**.

**b) East Coast Railway Link - ECRL**

Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) merupakan jaringan perkhidmatan tren baharu yang akan merentasi Banjaran Titiwangsa dan melibatkan laluan sepanjang kira-kira 600 kilometer melalui beberapa buah bandar seperti Gombak, Mentakab, Jengka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat.

Sepertimana yang dimaklumkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), projek ini masih di peringkat awal di mana kaji selidik pasaran melalui kaedah Pelawaan Memberi Maklumat (RFI) sedang dilakukan SPAD dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Projek ECRL dianggarkan bernilai RM55 bilion, akan menjadi pemangkin ekonomi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membabitkan negeri-negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian timur laut Johor. Projek ECRL ini diselaraskan oleh **Kementerian Kewangan**.

4. Lapan daripada perjanjian/ memorandum B2B tersebut merupakan pelaburan berjumlah USD20.10 bilion dan satu perjanjian adalah pinjaman bernilai USD13.75 bilion bagi tujuan pembinaan Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Rail Link – ECRL*). Manakala 5 perjanjian yang selebihnya melibatkan kerjasama dalam bidang-bidang seperti penyelidikan, e-dagang dan kemudahan kewangan yang bernilai USD2.06 bilion.
5. Ingin ditegaskan bahawa Malaysia tidak memaksa pelabur asing untuk melabur di mana-mana negeri tertentu dan menyokong ekonomi berlandaskan pasaran (*market driven economy*). Pelabur-pelabur asing boleh membuat pilihan berdasarkan analisis pasaran yang akan membantu dalam pembangunan perkhidmatan perniagaan atau penjualan produk syarikat. Pelabur-pelabur asing juga boleh memilih rakan pelabur tempatan bagi memulakan usahasama (*joint venture*) di negeri-negeri yang bersesuaian di Malaysia.